

TARIKH	18 / 06 / 2014	SEKSYEN	DEWAN RAKYAT
MUKA SURAT	3	RUANGAN	

9 kes tipu umrah libat RM14.1 juta

KUALA LUMPUR - Sebanyak sembilan kes penipuan umrah melibatkan kerugian kira-kira RM14.1 juta direkodkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sejak 2009 hingga Mei lalu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, kes itu membabitkan lapan buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan yang berlesen serta sebuah syarikat pengendalian pelancongan yang tidak berlesen.

"Seramai 3,611 individu di kenal pasti menjadi mangsa," katanya.

Mohamed Nazri (BN-Padang Rengas) berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan, Zairil Khir Johari (DAP-Budit Bendera) yang meminta menyatakan apakah tindakan diambil ke atas ejen pelancongan yang tidak berhembah dan apakah langkah mengelak kes penipuan.

Mengulas lanjut, Mohamed Nazri berkata, tindakan yang boleh dikenakan terhadap syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan yang tidak memberi perkhidmatan mengikut terma dan syarat dipersetujui atau penipuan ialah mereka perlu bayar balik wang dibayar, membayar pampasan, tindakan kompaun atau lesen batal.

"Bagi syarikat atau individu yang menjalankan operasi se-

66 Seramai
3,611 individu
dikenal pasti
menjadi mangsa
untuk kesemua kes
penipuan itu."

- Mohamed Nazri

cara tidak sah, kita akan ambil tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

"Kita juga merujuk kes penipuan ini kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar tindakan lebih berat di bawah Kanun Kesejahteraan boleh diambil terhadap mereka," katanya.

Mohamed Nazri berkata, langkah lain adalah dengan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bawah Akta Industri Pelancongan 1992 ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan berlesen serta syarikat atau individu yang mengendalikan paket tanpa lesen.

Beliau berkata, semakan semula akan dibuat ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992, melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah serta bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk menyampaikan maklumat tentang penipuan itu melalui khutbah Jumaat.